



RAKYAT DISERU USAHAKAN TANAH
UNTUK KETERJAMINAN MAKANAN

SG4 SATU ANUGERAH
KEPADA NEGARA

ANAK PERANTAU KELANTAN TULANG
BELAKANG PERJUANGAN ISLAM,
PERLU BERSATU PERTAHAN NEGERI

REBAN TERNAKAN AYAM PEDAGING
TERTUTUP AUTOMATIK RM1.4 JUTA,
MULA BEROPERASI

WARTAWAN BEBAS DENGAN PEDOMAN, BUKAN TERBABAS – MENTERI BESAR KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

KUALA LUMPUR, 24 Jun – Kebebasan media harus berpaksikan pedoman agama dan akhlak, bukannya kebebasan tanpa sempadan yang terbabas daripada landasan agama dan etika boleh merosakkan integriti kewartawanan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan perkara demikian dalam ucapannya sempena Majlis Sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) Peringkat SG4 2025 yang berlangsung di sebuah hotel di Bangsar pada Sabtu.

Katanya, kita tidak mahu lahirnya golongan wartawan yang bebas daripada disiplin agama dan etika.

“Bebas bukan bermakna terbabas. Wartawan mesti bebas daripada sogokan, bebas menyingkap kebenaran dan membina naratif yang mendidik. Bukan yang menyesatkan,” tegasnya lagi.

Menteri Besar turut menyatakan bahawa beliau menyokong prinsip kebebasan media selagi mana ia bersandar pada nilai-nilai murni dan tanggungjawab terhadap mas-



arakat.

“Kebebasan sebenar ialah apabila kebenaran dapat disampaikan tanpa takut dan tanpa tunduk kepada tekanan yang boleh merosakkan integriti,” katanya.

Dato' Mohd Nassuruddin menekankan bahawa wartawan yang hebat lantang bersuara atau menulis serta adil dan amanah dalam menyampaikan kebenaran.

“Islam telah menetapkan kesahihan maklumat sebagai asas penting dalam komunikasi. Apatah lagi jika maklumat itu membentuk persepsi dan mempengaruhi keputusan masyarakat.

“Wartawan Muslim tidak boleh menjadikan spekulasi, manipulasi

dan provokasi sebagai landasan penulisan,” ujarinya.

Beliau juga menegur kewujudan segelintir wartawan yang hanya mengejar sensasi dan populariti tanpa memikirkan dosa dan pahala, serta menjadikan tajuk provokatif sebagai jalan pintas untuk melariskan jualan berita.

Majlis makan makan sempena sambutan hari HAWANA SG4 2025 yang diadakan di ibu negara itu menghimpunkan para wartawan dari Lembah Kelang dan negeri-negeri anggota SG4 iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

Matlamatnya ialah untuk memperkukuh jaringan komunikasi

“

Bebas bukan bermakna terbabas. Wartawan mesti bebas daripada sogokan, bebas menyingkap kebenaran dan membina naratif yang mendidik. Bukan yang menyesatkan,”

antara pemimpin kerajaan negeri SG4.

Majlis berkenaan juga berfungsi sebagai platform kebajikan bagi pengamal media, termasuk menyantuni mereka yang diuji dengan kesukaran hidup atau keuzuran.

Menteri Besar turut menyeru agar para wartawan terus berperanan sebagai pencorak pemikiran ummah, membina masyarakat berilmu dan menjadikan nilai Islam sebagai teras dalam setiap laporan yang dihasilkan.

“Semoga segala usaha murni kita dalam dunia kewartawanan diberkati dan dihargai. Selamat menyambut Hari Wartawan Nasional 2025,” ucapnya.



RAKYAT DISERU USAHAKAN TANAH UNTUK KETERJAMINAN MAKANAN

Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 24 Jun – Rakyat Negeri Kelantan diseru agar memanfaatkan sepenuhnya tanah yang dikurniakan oleh Allah SWT dengan mengusahakannya untuk tujuan pertanian demi kesejahteraan diri dan keterjaminan makanan.

Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, Tanah yang diusahakan untuk tujuan pertanian bukan sahaja memberi manfaat kepada pengusaha, malah turut memberi manfaat kepada orang lain.

“Kita mahu rakyat mengusahakan tanah yang Allah kurniakan untuk mendapatkan hasil. Ia bukan sahaja dapat memberikan manfaat kepada pengusaha, malah juga dapat membantu orang lain untuk mendapatkan manfaat daripada apa yang kita usahakan itu.

“Jika tanah itu dibiarkan tanpa diusahakan, dibimbangi akan dipersoalkan di akhirat kelak.”

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena lawatan kerja beliau ke Ladang Harum Manis Komuniti Al-Falah di Melawi, Bachok, pada Isnin.

YB Dato' Dr Mohamed Fadzli turut memaklumkan bahawa Malaysia kini mengimport makanan melebihi RM65 bilion setahun dan merupakan satu jumlah yang sangat besar.

“Maknanya terlalu banyak



wang yang digunakan untuk mengimport makanan dari negara luar. Tambahan pula, kini orang bercakap tentang keterjaminan makanan, yang membawa maksud ada lagikah makanan untuk dimakan selepas ini sekiranya kita tidak usahakan untuk menanam sendiri sumber makanan tersebut.

“Keadaan ini berlaku disebabkan kita terlalu berharap kepada orang lain untuk mengusahakannya dan kita hanya menunggu untuk membeli. Katakanlah ada satu masa kita tidak ada duit untuk membeli, maka apa yang kita akan makan, ataupun kita ada duit tapi orang tidak mahu menjualnya kepada kita, ataupun kita ada duit tapi sumber makanan tidak sampai kepada kita disebabkan apa-apa musibah seperti Perang.

“Jadi dalam keadaan tanah kita subur, luas tapi tiba-tiba kita tidak ada makanan untuk dimakan. Itu-

lah yang kita bimbang, kalau-kalau ia mengundang kemurkaan Allah,” katanya.

Mengulas mengenai trend pengeluaran buah-buahan negara, beliau memaklumkan bahawa berlaku peningkatan dari 1.68 juta tan metrik pada tahun 2021 kepada 1.88 juta tan metrik pada tahun 2023. Namun, angka itu masih belum mencukupi untuk keperluan rakyat.

“Sebab itu, Allahyarham Tan Sri Tuan Guru Dato' Bentara Setia mahu Kelantan menjadi negeri pengeluar makanan dan bukan negeri perindustrian.

“Jadi, kita di Kelantan sangat rugi kalau kita mempunyai tanah tetapi tidak diusahakan, sedangkan ia mampu menjadi penyumbang besar kepada hasil pertanian negara,” jelasnya.

Untuk rekod, Kelantan kini berada di kedudukan keempat terting-

gi dari segi pengeluaran buah-buahan negara dengan jumlah 134,270 tan metrik setahun. Daripada jumlah itu, Jajahan Bachok menyumbang lebih 26,000 tan metrik atau 20 peratus.

Mengulas tentang penghasilan mangga harum manis di Melawi, beliau memuji usaha komuniti tempatan yang berjaya menghasilkan buah setanding harum manis Perlis.

“Rasanya pun kalau tidak lebih pun, sama seperti harum manis Perlis. Mungkin bezanya hanya sedikit dari sudut bau,” katanya sambil mengucapkan tahniah kepada semua pengusaha ladang harum manis Komuniti Al-Falah.

Dalam majlis tersebut juga, YB Timbalan Menteri Besar turut menyampaikan bantuan input pertanian kepada 10 orang peserta baharu projek tanaman harum manis Al-Falah yang berjumlah RM10,000 setiap seorang.

Turut serta dalam lawatan tersebut adalah, Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan, YB Dato' Md Anizam AB Rahman, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pantai Irama, YB Mohd Huzaimy Che Husin, Ketua Jajahan Bachok, Mohd Zaki Yusoff dan Pengurus Besar KPKB, Mohd Mukhlis Mokhtar.



SG4 SATU ANUGERAH KEPADA NEGARA

Oleh: Norzana Razaly

BANGSAR, 24 Jun – Sekretariat Kerajaan Negeri-Negeri SG4 disifatkan sebagai satu anugerah besar kepada negara kerana peranannya yang strategik dari sudut sejarah, geografi, sumber kekayaan, serta sumbangan terhadap keselamatan makanan dan pembangunan ekonomi negara.

Penasihat Komunikasi SG4 Tan Sri Annuar Musa menegaskan bahawa potensi empat negeri dalam SG4 – Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis – harus diberi ruang yang luas untuk menyampaikan maklumat sahih dan bermanfaat kepada rakyat.

“Empat negeri ini merupakan jelapang makanan negara yang menyumbang 71 peratus pengeluaran karbohidrat dan protein.

“Bahkan 40 peratus tenaga pentadbiran awam juga datang dari SG4,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Hari Wartawan Nasional (HAWANA) Peringkat SG4 Tahun 2025 yang berlangsung di sebuah hotel di Bangsar pada Sabtu.

Mengulas mengenai perkembangan penting dalam dunia kewartawanan, Tan Sri Annuar turut



menyambut baik penubuhan rasmi Majlis Media Malaysia yang diluluskan dan diwartakan pada Jun 2025 selepas lebih empat dekad diperjuangkan warga media.

“Majlis ini adalah satu kejayaan bersama. Ia menzahirkan kematangan media Malaysia dalam mengurus kebebasan secara beretika dan bertanggungjawab,” ujarnya.

Beliau menyifatkan penubuhan Majlis Media Malaysia sebagai satu mercu tanda baharu yang bakal memainkan peranan penting sebagai badan kawal selia bebas (self-regulatory) bagi memelihara kebebasan media serta menjamin profesionalisme dan integriti kewartawanan di negara ini.

Tambahnya, walaupun SG4 kini berada di blok pembangkang, kedudukan tersebut hanyalah bersifat sementara dan tidak menjejaskan

komitmen negeri-negeri terbabit untuk terus menjadi penyumbang besar kepada pembangunan negara.

“SG4 ialah entiti zon ekonomi yang strategik. Berjiran dengan Thailand, keempat-empat negeri ini berpotensi besar menjadi blok ekonomi penting negara.

“Kita berazam untuk mengurus kekayaan sumber alam dan hasil budi secara sistematik dan mampan,” katanya.

Beliau turut menyeru agar hubungan antara media dan SG4 terus diperkasa melalui pembukaan akses kepada maklumat rasmi secara tersusun dan menyeluruh.

Menurutnya, penganjuran program HAWANA SG4 2025 oleh Kerajaan Negeri Kelantan bersama Kerajaan Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan



Negeri Perlis menjadi medan penting untuk merapatkan hubungan dua hala serta membincangkan hala tuju kerjasama media dan komunikasi bagi memperkukuh naratif pembangunan negeri-negeri SG4.

“Sudah tiba masanya kita membina keakraban media dan SG4 atas dasar saling percaya. Media bukan sekadar pelapor, tetapi rakan pembangunan,” tegasnya.

Program HAWANA SG4 2025 turut diserikan dengan kehadiran Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud dan Menteri Besar Perlis YAB Mohd Shukri Ramli bersama para pemimpin kerajaan SG4.

Turut hadir, ketua pengarang media nasional, pengamal komunikasi strategik serta wartawan daripada pelbagai agensi.

PELANCONGAN TUMPAT TERUS DIPERKASA, RIVER CRUISE DAN PULAU TARIKAN BAHARU



Oleh: Shuhada Hadzri

TUMPAT, 23 Jun – Jajahan Tumpat terus diberi nafas baharu sebagai destinasi pelancongan strategik menerusi cadangan projek ‘river cruise’ dari Kota Bharu ke Tumpat serta pembangunan pulau-pulau sekitar sebagai tarikan pelancongan baharu, termasuk sektor industri kreatif.

Projek river cruise yang kini dalam fasa awal pelaksanaan merupakan kesinambungan kepada hasrat mantan Menteri Besar Kelantan yang juga Ahli Dewan Negeri Pasir



Pekan YB Dato’ Bentara Kanan Ahmad Yakob.

Projek tersebut dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi setempat serta pelancongan berasaskan komuniti.

Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Perpaduan dan Pelancongan Majlis Daerah Tumpat Sr. Shalah Huddin Che Husin berkata pihaknya turut meneliti beberapa kawasan pulau untuk dimajukan sebagai hentian pelancongan berkonsepkan warisan dan ekopelancongan.

“Antara kawasan yang dikenal

pasti ialah Pulau Suri, yang terkenal dengan konsep pasar terapung, serta cadangan produk unik seperti ‘Sekolah Beruk’ yang diyakini mampu menarik minat pelancong tempatan dan antarabangsa,” katanya kepada media ketika sesi lawatan kerja ke Laman Warisan Kampung Laut, hari ini.

Lebih menarik, Pulau Sri Renjuna kini menjadi lokasi pilihan penerbit tempatan sebagai latar penggambaran drama dan filem, menjadikan Tumpat destinasi pelancongan yang berpotensi besar sebagai hab industri kreatif baharu di Pantai Timur.

Lawatan kerja berkenaan turut disertai lebih 20 peserta terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Kelantan, Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan (TIC), Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Koperasi Warisan Kampung Laut dan Jawatankuasa Masjid War-

isan Kampung Laut.

Antara fokus utama yang dibincangkan ialah cadangan penambahbaikan di kawasan Laman Warisan Kampung Laut, khususnya melibatkan naik taraf landskap, kemudahan asas, sistem pencahayaan dan papan tanda arah bagi kemudahan pelancong.

Tumpuan turut diberikan kepada Laman Serondeng, yang kini menempatkan 12 premis yang terdiri daripada 11 kedai menjual serondeng dan dodol serta sebuah kedai makan sebagai elemen pelancongan tempatan yang perlu diperkasa dari segi promosi dan penyelenggaraan fasiliti.

Sr. Shalah Huddin optimis, pelaksanaan cadangan tersebut akan memperkukuh sektor pelancongan Tumpat serta menyumbang secara langsung kepada peningkatan pendapatan komuniti dan pembangunan sosioekonomi setempat.

ANAK PERANTAU KELANTAN TULANG BELAKANG PERJUANGAN ISLAM, PERLU BERSATU PERTAHAN NEGERI

Oleh: Norzana Razaly

SHAH ALAM, 23 Jun – Anak-anak Kelantan di perantauan merupakan tulang belakang perjuangan Islam yang perlu bersatu mempertahankan negeri daripada tersasar daripada dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan bahawa hubungan erat di antara kerajaan negeri dan anak-anak Kelantan di perantauan – sama ada di dalam negara mahupun di luar negeri – merupakan aset penting dalam mempertahankan dasar pentadbiran Islam yang diamalkan Kelantan sejak sekian lama.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Ramah Mesra Anak Kelantan Pasir Mas di Perantauan di IDCC Shah Alam pada Ahad.

Majlis jalinan mahabbah itu dihadiri ratusan warga Kelantan dari Lembah Klang.

“Semua kita ada tanggungjawab besar. Jangan pandang ringan peranan anak perantau dari Kelantan yang ada jiwa perjuangan.

“Taukeh Harum Manis di Perlis pun asalnya orang Kampung Chat, Pasir Mas. Ayahnya datang teroka tanah di Chuping. Sifat orang Kelantan memang begitu – suka meneroka hingga ke Siam. Tapi



mereka tetap balik Kelantan waktu pilihan raya,” ujar beliau penuh semangat.

Mengimbau ketabahan rakyat Kelantan semasa zaman penjajahan Jepun, Dato' Mohd Nassuruddin berkongsi kisah kesusahan rakyat dahulu yang terpaksa membeli beras menggunakan sukatan kulit telur, namun tetap mempertahankan nilai agama dan menghormati para alim ulama.

“Jepun pun hormat imam, tak kacau alim ulama. Kita mahukan hak kita, tetapi mesti melalui jalan perundingan. Seperti Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), kita minta ia diiktiraf sebagai lapangan terbang antarabangsa.

“Ambo sendiri bercakap satu sama satu dengan Perdana Menteri,” katanya.

Beliau menambah bahawa ne-

gara jiran di selatan Thailand kini sedang membangunkan lapangan terbang antarabangsa yang akan digunakan rakyatnya untuk ke Mekah, sekali gus merancakkan ekonomi mereka.

Oleh itu, cadangan menaik taraf LTSIP sebagai hab antarabangsa akan memberi manfaat besar kepada rakyat Kelantan.

“Kalau pengumuman dibuat oleh Perdana Menteri sekarang untuk naik taraf LTSIP sebagai lapangan antarabangsa, rakyat Kelantan akan kenang sampai bila-bila. Ini hasil daripada budaya politik matang dan sejahtera yang kita amalkan,” katanya.

Menteri Besar turut mengingatkan bahawa mempertahankan kerajaan negeri bukan semata-mata melalui sokongan moral, tetapi melalui penglibatan aktif rakyat da-

lam proses pilihan raya, termasuk balik mengundi.

“Menang bukan mudah. Orang dulu menabung sepuluh sen dalam tabung buluh untuk perjuangan Islam. Kita boleh mula dengan RM1 sebulan sebagai persediaan balik mengundi.

“Jangan harapkan tambang diberi, nanti pemimpin pula dituduh merasuah,” tegasnya.

Dato' Nassuruddin turut menggesa agar hubungan antara anak-anak Kelantan di perantauan dengan keluarga di kampung serta dengan pemimpin negeri sentiasa dipelihara agar perjuangan membangunkan negeri bersendikan Islam dapat diteruskan.

Beliau turut membandingkan semangat rakyat Aceh yang berjaya mempertahankan wilayah maritim mereka melalui diplomasi selepas tragedi tsunami, dan mencontohi Kelantan dalam pelaksanaan undang-undang Islam.

“Aceh berjaya mendapatkan semula sebuah pulau yang kaya gas melalui perundingan. Mereka juga melaksanakan hudud yang mereka pelajari daripada Kelantan.

“Saya sendiri terlibat memberi taklimat kepada pentadbir Aceh,” katanya sambil menegaskan bahawa Kelantan kini menjadi model rujukan bagi wilayah Islamiah serantau.



KELANTAN PERUNTUKKAN RM120,000 BANGUNKAN PROJEK HARUM MANIS AL-FALAH

Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 24 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan sebanyak RM120,000 bagi memperkukuh pembangunan projek penanaman mangga Harum Manis Al-Falah di Melawi, Bachok.

Program tersebut melibatkan sepuluh peserta komuniti yang menerima bantuan dalam bentuk barangan pertanian.

Peruntukan tersebut disalurkan menerusi bantuan anak pokok, sistem pengairan dan penanaman, kursus teknikal serta lawatan ilmu ke Perlis hasil kerjasama di antara Jabatan Pertanian Kelantan dan Jabatan Pertanian Negeri Perlis.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi Negeri Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, projek yang kini memasuki tahun kelima menunjukkan perkembangan positif, dengan 100 pokok telah mula mengeluarkan hasil.

“Peruntukan ini adalah langkah untuk memperkasa komuniti tani di Melawi yang kita lihat berpotensi besar kerana masih banyak tanah terbiar yang boleh dimanfaatkan,” katanya semasa mengiringi



lawatan kerja Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Dato' Hasan ke Ladang Harum Manis Al-Falah dan majlis penyampaian input pertanian, pada Isnin.

Dato' Tuan Mohd Saripudin turut menyatakan bahawa fokus seterusnya ialah pembangunan pemasaran hasil agar pekebun mendapat pulangan yang berpatutan dan mampan.

“Jika hasil yang dikeluarkan berkualiti, kerajaan negeri akan bincangkan kaedah pemasaran yang sesuai,” ujarnya.

Beliau juga menjelaskan keunikan musim mangga harum manis di Kelantan yang masih berbuah

walaupun musim di Perlis telah tamat sekitar Mei.

Justeru, peluang berkenaan harus dimanfaatkan dengan membangukan jenama tersendiri.

Beliau mencadangkan agar pusat pengumpulan dan penjualan buah diwujudkan di kawasan Melawi, dengan menggunakan nama “Harum Manis Al-Falah” sebagai identiti tempatan yang membezakan jenama Kelantan daripada “Harum Manis Perlis”.

“Perlis benarkan kita guna nama harum manis, tetapi bukan ‘Harum Manis Perlis’. Sebab itu kita perkenalkan ‘Harum Manis Al-Falah’. Di Terengganu mereka gunakan jenama ‘Mangga King’,”


katanya.

Sementara itu, wakil pengusaha komuniti Mohd Ridzuan Jusoh menzahirkan penghargaan kepada kerajaan negeri atas peruntukan dan sokongan berterusan, termasuk menghantar peserta baharu menyertai kursus ke Perlis pada 23 hingga 25 Mei lalu.

“Hari ini pihak kerajaan memberi bantuan dalam bentuk barangan. Sebelum ini, peserta juga telah didedahkan kepada latihan teknikal secara langsung di Perlis,” katanya dalam sesi taklimat.

Untuk rekod, projek Harum Manis Al-Falah dilaksanakan di bawah seliaan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dengan lebih 2,500 pokok ditanam sebagai usaha membina komuniti tani moden yang mampu menjana pendapatan dan memperkenalkan jenama harum manis dari Kelantan.

Sebanyak 100 pokok harum manis di kawasan seluas satu ekar telah mula mengeluarkan hasil dan dipasarkan secara fizikal dan dalam talian ke seluruh negara, menandakan potensi besar produk tersebut dalam industri agrokomoditi negeri.



REBAN AYAM PEDAGING TERTUTUP AUTOMATIK RM1.4 JUTA, MULA BEROPERASI

Oleh: Asri Hamat

PASIR MAS, 25 Jun- Reban ternakan ayam pedaging tertutup automatik 1.0 di Rong Chenok memulakan operasi apabila pelepasan anak ayam pedaging untuk pusingan pertama disempurnakan oleh Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, hari ini.

Menurut Dato' Tuan Mohd Saripudin, reban tertutup automatik yang menelan kos sebanyak RM1.4 juta tersebut mampu memuatkan sebanyak 25,000 ekor ayam untuk satu pusingan.

"Reban tertutup ini mampu memuatkan sebanyak 25,000 ekor ayam untuk satu-satu pusingan, namun hari ini kita lepaskan sebanyak 18,000 ekor. Setiap pusingan mengambil masa selama 32 hari untuk ayam tersebut matang dan boleh mencapai berat purata 1.5 kilogram seekor.

"Selepas dituai, reban tersebut dibiarkan untuk beberapa minggu sebelum pelepasan anak ayam untuk pusingan kedua dilakukan. Dalam setahun, reban ayam tertutup automatik ini boleh beroperasi untuk enam pusingan."

Beliau berkata demikian ketika



berucap di majlis Pelepasan Anak Ayam di Reban Ayam Tertutup Automatik 1.0 dan Perasmian Tapak Pembinaan Reban Ayam Tertutup Automatik 2.0, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) di Ladang Rong Chenok, Pasir Mas, hari ini.

Menurut beliau lagi, PKPNK akan membina dua unit lagi reban tertutup automatik dengan kos pelaburan sebanyak RM2 juta.

"Pembinaan reban ayam tertutup ini adalah selari dengan dasar Kerajaan Malaysia yang menetapkan, menjelang tahun 2030 semua reban ayam termasuk ayam pedaging dan ayam telur mesti menggunakan sistem reban tertutup sepenuhnya, menggantikan kaedah reban terbuka.

"Pembinaan reban ayam tertutup ini bertujuan untuk menjaga

kesihatan ayam, mengurangkan gangguan persekitaran dan meningkatkan kualiti ayam. Kadar kematian ayam juga lebih rendah berbanding sistem reban terbuka.

"Reban ayam tertutup ini juga menggunakan teknologi terkini dan automatik yang tidak memerlukan banyak tenaga. Hanya tekan satu suis sahaja untuk memberi makanan dan air kepada semua ayam," ujarnya.

Jelasnya lagi, Kelantan dikenal pasti sebagai negeri dengan kadar pengambilan ayam tertinggi, dengan kemasukan ayam ke negeri ini mencecah antara 150,000 hingga 200,000 ekor setiap hari, bernilai lebih sejuta ringgit, namun belum mencukupi.

"Dengan adanya reban ayam tertutup seperti ini dapat menampung permintaan ayam di Kelantan dan

kita berharap rakyat Kelantan dapat menikmati ayam yang lebih segar, sihat dan ditenak secara sendiri. Kita juga memberi makanan permulaan khas untuk pertumbuhan ayam. Selepas ini insya-Allah, kita akan membina kilang pemprosesan makanan ayam sendiri.

"Kilang pemprosesan tersebut akan menggunakan bahan-bahan yang disediakan sendiri bagi memastikan makanan ayam yang dihasilkan adalah halal, bersih dan berkualiti tinggi. Langkah ini dijangka dapat mengelakkan ayam daripada mengandungi unsur yang tidak diinginkan, sekali gus membekalkan ayam yang halal dan toyyib untuk rakyat," katanya.

Untuk rekod, projek pembinaan reban ayam tertutup adalah gabungan kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kerajaan Negeri Kelantan melibatkan peruntukan pembinaan reban dari KPKM dan kerajaan negeri menyediakan tapak pembinaan.

Hadir sama, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Pasir YB Mohamad Nasriff Daud, ADN Chetok YB Zuraidin Abdullah, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) serta pegawai PKPNK.

PROJEK NAIK TARAF LONGKANG KAMPUNG KOTA, DAPAT ATASI MASALAH AIR BERTAKUNG - YB SAIZOL



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 24 Jun – Projek menaik taraf longkang konkrit di Kampung Kota yang kini sedang dilaksanakan dijangka mampu menyelesaikan masalah air bertakung yang telah berlarutan sejak puluhan tahun lalu di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Salor.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Salor, YB Saizol Ismail berkata, projek tersebut dilaksanakan dalam dua fasa



di bawah peruntukan Jabatan Kerja Raya (JKR) menerusi Projek Kampung Angkat Madani dengan nilai keseluruhan RM772,900 melibatkan jarak sekitar 700 meter bermula dari Kampung Kota hingga ke Kampung Gaung.

"Projek ini akan disambung ke fasa kedua oleh syarikat konsesi Roadcare dengan nilai tambahan RM1.7 juta. Apabila siap kelak, projek ini diharap dapat menyelesaikan isu perparitan yang menyebabkan air

termenung terutama ketika musim tengkujuh," katanya kepada media semasa membuat tinjauan kemajuan projek itu di Kampung Kota, hari ini.

Menurut YB Saizol lagi, masalah air bertakung sering berlaku dari kawasan bulatan Kampung Kota sehingga Kampung Gaung dengan paras air yang kadang-kala mencecah paras paha sehingga menyukarkan pergerakan kenderaan ringan dan mengambil masa sehingga seminggu untuk surut.

"Kita amat bersyukur kerana kampung ini terpilih sebagai Kampung Angkat Madani. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak JKR, khususnya kepada Ketua Pengarah dan Pengarah JKR negeri atas komitmen berterusan membantu menyelesaikan masalah penduduk di sini," katanya.

Tambah beliau, masalah ini tidak boleh diselesaikan hanya dengan kerja penyelenggaraan kerana struktur longkang yang rosak teruk dan ia memerlukan penaiktarafan sepenuhnya.

"Projek fasa pertama dijangka siap pada 13 Julai ini sebelum disambung ke fasa kedua oleh Roadcare dalam tahun yang sama. Projek ini akan memberi manfaat kepada lebih 1,000 penduduk Kampung Kota.

Selain itu, beberapa kawasan lain di DUN Salor turut dikenal pasti mengalami isu sama termasuk Kampung Mulong, yang kini turut menerima peruntukan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan sedang dalam pelaksanaan," katanya.

Turut serta dalam lawatan tersebut, Pengarah JKR Negeri Kelantan Ir. Nik Soh Yaacob.

21 PROJEK PEMBANGUNAN PEMANGKIN KEMAJUAN KUALA KRAI

Oleh: Che Maziah Mat

KUALA KRAI, 19 Jun – Sebanyak 21 projek pembangunan sedang giat dilaksanakan di Kuala Krai yang bertindak sebagai pemangkin kemajuan di jajahan itu.

Projek tersebut merangkumi pelbagai inisiatif strategik yang dijangka mampu merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan, memperkukuh sektor pelancongan, serta meningkatkan kesejahteraan penduduk setempat.

Antara projek utama yang sedang giat dijalankan termasuklah Projek menaik taraf cerun di Pasar Manik Urai, Pembinaan Taman Rimba Botani (Ecological Park), Pembangunan Pusat Informasi Stong Geopark, Pembinaan Lebuh raya Lingkaran Tengah yang bakal memperkukuh jaringan perhubungan antara jajahan.

Ketua Jajahan Kuala Krai Mohd Shaifudeen Md Salleh memaklumkan hal demikian dalam satu taklimat pembangunan jajahan yang



turut dihadiri oleh beberapa pimpinan negeri dan Persekutuan.

Sehubungan itu, Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menyeru agar semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek pembangunan, khususnya penjawat awam dan kontraktor, dapat mengamalkan budaya kerja yang berintegriti dan berteraskan nilai Islam.

“Setiap penjawat awam mesti menghayati sifat ubudiyyah dengan menjadikan tugas sebagai ibadah, mas’uliyah dan itqan dalam setiap pelaksanaan projek. Jika kita be-

nar-benar amanah dalam menjalankan tanggungjawab, segala urusan akan dipermudahkan,” jelasnya.

Beliau turut menzahirkan keyakinan terhadap kerjasama erat antara agensi negeri dan persekutuan, yang disulami nilai Islam dalam pentadbiran akan memastikan pembangunan Kelantan terus berjalan secara berfasa, mampan dan memberi manfaat menyeluruh kepada rakyat

Sejurus selepas taklimat, Menteri Besar mengadakan lawatan ke tapak Projek Mini Hidro Kemubu di Dabong. Lawatan tersebut merupakan sebahagian daripada siri



Lawatan Kerja Kelima ke Jajahan Kuala Krai yang diadakan di Majlis Daerah Dabong.

Dalam lawatan tersebut, beliau diberi taklimat mengenai perkembangan projek yang kini dalam fasa pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2028.

Turut hadir dalam lawatan kerja tersebut Pegawai Kewangan Negeri YB Dato' Rosnazli Amin, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) Dato' Haji Ab Pattah Hasbullah, Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latif Abdul Rahman serta para pegawai agensi kerajaan negeri dan persekutuan.

KELANTAN LANCAR PROJEK TANAMAN BAWANG, SASAR KURANG KEBERGANTUNGAN IMPORT



Oleh: Shuhada Hadzri

BACHOK, 26 Jun – Kelantan terus memperkukuh kedudukan sebagai negeri peneraju sektor pertanian apabila melancarkan Projek Tanaman Bawang Negeri Kelantan Tahun 2025 di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Telong, di sini, hari ini.

Majlis perasmianya disempurnakan Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud melibatkan pelaksanaan projek perintis oleh 52 usahawan tani di 37 lokasi dengan keluasan keseluruhan 26.85 hektar di seluruh

negeri.

Menurut beliau, inisiatif tersebut merupakan langkah penting dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara serta mengurangkan kebergantungan kepada import bawang yang kini mencecah 100 peratus.

“Pada tahun 2022 sahaja, negara telah mengimport 685,400 tan metrik bawang bernilai RM1.58 billion. Kependudukan ini menjadikan kita terdedah kepada risiko gangguan bekalan dan ketidakstabilan harga antarabangsa” katanya.

Tambah beliau, projek tanaman bawang merupakan sebahagian

daripada usaha menyokong sasaran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk mencapai 30 peratus tahap sara diri (SSL) menjelang 2030.

Kelantan juga turut terpilih dalam salah sebuah negeri yang menjadi peneraju kepada projek berkenaan bersama-sama negeri lain iaitu Perak, Selangor, Perlis, Pulau Pinang dan Pahang.

Beliau yang diiringi Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, memaklumkan bahawa Kelantan komited untuk menjadikan negeri ini sebagai salah satu peneraju dalam pertanian moden dan kearah membina Kelantan sebagai jelapang

makanan negara termasuk projek tanaman bawang yang menjadi salah satu komponen penting dalam usaha tersebut.

“Usaha ini bukan sahaja untuk bekalan makanan, tetapi juga bagi menjana pendapatan petani dan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat” ujarnya.

Majlis itu turut melibatkan kerjasama erat antara Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), serta agensi-agensi seperti MARDI dan KES-EDAR.

Turut hadir, wakil-wakil jabatan Kerajaan, ahli Parlimen dan pemimpin setempat, serta pegawai-pegawai jabatan pertanian.



PEMIMPIN-RAKYAT SALING MENGASIHANI, KERAJAAN NEGERI PRIHATIN ANAK KELANTAN DI PERANTAUAN

Oleh: Norzana Razaly

SHAH ALAM, 23 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa mengutamakan kebajikan dan jalinan kasih sayang dengan anak-anak Kelantan di perantauan, bukan hanya pada musim perayaan.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Md Daud menegaskan hal demikian ketika berucap dalam Majlis Ramah Mesra Anak Kelantan Pasir Mas di Perantauan di IDCC Shah Alam pada Ahad.

Beliau memetik hadis Rasulullah SAW “Sebaik-baik kamu ialah mereka yang mengasahi pemimpin dan pemimpin itu pula mengasahi rakyatnya.”

Menurutnya, prinsip tersebut telah lama menjadi amalan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan yang menjunjung dasar Membangun Bersama Islam (MBI) sejak ia diperkenalkan oleh almarhum Tan Sri Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat.

“Sejak era Dato’ Panglima Perang menjadi Exco Penerangan zaman Tok Guru lagi kerajaan negeri komited menjalin hubungan erat dengan anak-anak Kelantan di luar negeri, antaranya melalui program Iftar Ramadan yang menghimpun-



kan lebih 1,500 hadirin sebagai tanda kasih pemimpin terhadap rakyat di perantauan,” ujarnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa meskipun berlaku pertukaran Menteri Besar, dasar pentadbiran negeri kekal konsisten, dengan pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang menepati keperluan semasa.

“Kita dianugerahkan pemimpin terbaik oleh Allah SWT. Maka menjadi tanggungjawab kita sebagai rakyat untuk menyayangi dan sentiasa mendoakan mereka agar diberi kekuatan dan petunjuk dalam memimpin negeri,” kata YB Mohd Asri.

Beliau turut mengimbas persidangan ulama rantau Asia pada tahun 2015, para ilmuwan dari Asia Barat, Turki dan dunia Islam mengiktiraf Kelantan sebagai wilayah Islamiah dalam aspek

ekonomi, jenayah dan sosial.

“Syeikh Qurayyim Rajeh sendiri menyebut bahawa Kelantan adalah sebuah wilayah Islamiah. Maka menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan kerajaan Islam ini daripada sebarang anasir yang ingin menjatuhkannya,” tegas beliau.

YB Mohd Asri turut memuji pendekatan politik matang dan sejahtera yang diamalkan oleh Menteri Besar Kelantan hari ini, yang membolehkan Kelantan menjalin hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan.

“Hasil kebijaksanaan kepimpinan negeri, Kelantan berjaya memperoleh beberapa hak penting di peringkat persekutuan, selaras dengan semangat federalisme yang konstruktif,” katanya.

Antara projek pembangunan utama yang sedang giat dilaksana-

kan termasuk projek ECRL, pembinaan stesen bas baharu, Madinah Riadah serta beberapa infrastruktur strategik lain menjelang SUKMA 2028, yang bakal menyaksikan Kelantan menjadi tuan rumah.

YB Asri turut menyeru anak Kelantan khususnya yang berada di luar negeri agar mendapatkan maklumat sahih dan terkini berkaitan negeri menerusi portal Sahabat Perantau dan laman Facebook rasmi Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN).

Majlis Ramah Mesra Anak Kelantan Pasir Mas di Perantauan kelolaan Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud yang juga ADN Meranti.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Pasir YB Mohamad Nasriff Daud dan ADN Tendong YB Rozi Muhammad serta Pengarah UPKN Razuan Awang Hamad.

Program mahabbah itu diserikan dengan persembahan kebudayaan dan jamuan rakyat bagi mengukuhkan lagi semangat kekitaan dalam kalangan anak Kelantan di perantauan.



TENGGU PUAN TEMENGGONG TINJAU LATIHAN SULAMAN KELINGKAN DI PLWOA

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 26 Jun – Keprihatinan terhadap pengukuhan ekonomi wanita melalui seni warisan kraf tanah air terus disebarkan apabila Tengku Puan Temenggong Kelantan YM Tengku Norhayati Tengku Abdul Rahman berkenan meninjau sesi latihan kemahiran sulaman kelingkan di Pusat Latihan Wanita OKU & Arma-lah (PLWOA) pada Rabu.

Kunjungan beliau ke Bazar Buluh Kubu, Kota Bharu itu bagi melihat sendiri latihan yang disertai 17 wanita berbakat dalam seni kraf tradisional.

Beliau juga mendapat taklimat daripada Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKwa) Ilvira Mohd Dasuki berkenaan program yang dijalankan tiga kali seminggu itu merupakan hasil kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan melalui U-KekWa dengan Pertubuhan Kraf Malaysia (MCC).

Sehubungan itu, Pengerusi MCC Nik Mohd Faiz Nik Mohd



Amin berkata peserta-peserta telah dilatih dalam tiga peringkat asas sulaman kelingkan, bermula dengan bingkai asas, selendang, dan alas par.

“Setiap kumpulan terdiri daripada tiga hingga empat peserta berjaya menghasilkan selendang penuh dalam tempoh hanya 12 hari.

“Kejayaan ini menggambarkan

dedikasi tinggi dan bakat yang luar biasa di kalangan peserta,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Sementara itu, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Rohani Ibrahim yang mengiringi Tengku Puan Temenggong mengumumkan bahawa program sebegini akan diteruskan secara berkala.

“Kerajaan Negeri Kelantan melalui U-KeKwa sentiasa komited untuk meningkatkan kemahiran dan memperkasa ekonomi wanita melalui seni tradisional dan kemahiran tangan,” jelasnya.

Sesi kunjungan itu diakhiri dengan lawatan ke bengkel dan sesi bergambar kenang-kenangan bersama para peserta dan jurulatih.

90 PELAJAR YIK CEMERLANG SMU DAN SMTQ 2024



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 26 Jun – Seramai 90 pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK) mendapat keputusan mumtaz dalam semua mata pelajaran, dalam peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU) dan Sijil Menengah Tahfiz Al-Quran (SMTQ) 2024.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat memaklumkan hal berkenaan dalam Majlis Pengumuman Keputusan Peperiksaan SMU, SMTQ dan STUP di Bilik Seminar, Kompleks Pentadbiran YIK Tun-

jung, Kota Bharu, hari ini.

Katanya, pelajar yang lulus dalam peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU) dan Sijil Menengah Tahfiz Al-Quran (SMTQ) pada tahun 2024 adalah seramai 4952 orang atau 92.18 peratus daripada jumlah calon seramai 5372 orang.

“Daripada jumlah tersebut, seramai 625 calon mendapat pangkat Mumtaz, 1446 calon mendapat pangkat Jayyid Jiddan, 1548 calon mendapat pangkat Jayyid dan 1333 calon mendapat pangkat Makbul dan pencapaian terbaik 10 Mumtaz bagi semua mata pelajaran seramai 90 calon.

“Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS) pula, Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah Lilbanat di tempat pertama dengan memperolehi GPS 1.31, diikuti oleh Maahad Sains Tok Guru dengan GPS 1.36 dan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong memperolehi GPS 1.42,” katanya.

Dato' Wan Roslan turut mengumumkan seramai 30 calon telah

menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP) 2024 melibatkan seramai 26 calon atau 86.67 peratus mendapat kelulusan penuh.

“Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniat kepada semua pelajar yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam peperiksaan SMU, SMTQ dan STUP pada tahun 2024.

“Kejayaan ini adalah hasil usaha gigih para pelajar, bimbingan para guru, serta sokongan padu daripada ibubapa dan pihak sekolah.

“Peperiksaan SMU bukan sahaja menilai tahap akademik, malah menjadi indikator kepada kejayaan kita dalam melahirkan generasi muda yang berilmu, berakhlak dan bersedia memimpin masyarakat berdasarkan nilai-nilai Islam sejati,” ujarnya.

Tambah beliau lagi, Kerajaan Negeri Kelantan melalui portfolio Pendidikan sentiasa komited dalam memperkasakan Pendidikan agama, selaras dengan dasar Membangun

Bersama Islam.

“Insya-Allah, pelbagai inisiatif akan terus digerakkan bagi memastikan sistem pendidikan agama terus unggul dan relevan dengan perkembangan semasa,” jelasnya.

Untuk rekod, seramai 5,402 calon daripada 100 buah sekolah telah menyertai peperiksaan awam kelolaan Yayasan Islam Kelantan di 98 buah pusat peperiksaan seluruh negara tahun 2024.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 85 buah sekolah YIK dengan jumlah calon seramai 4,984 orang serta 15 buah sekolah swasta di dalam dan luar negeri termasuk dua buah sekolah di Phnom Penh Kemboja seramai 409 calon serta sembilan calon persendirian.

Turut hadir dalam majlis tersebut, Pengarah YIK Zulkifli Ab Rahman, Timbalan Pengarah YIK (Pengurusan) Mohd Kamaruddin Omar, Timbalan Pengarah YIK (Akademik) Shukri Husin dan Timbalan Pengarah YIK (Sekolah) Ahmad Fakhruddin Deraman.



21 PROJEK PEMBANGUNAN PEMANGKIN
KEMAJUAN KUALA KRAI

I-MYSK BANGKITKAN SEMANGAT PERJUANGAN PALESTIN

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 23 Jun – Sidang Kemuncak Belia Muslim Antarabangsa Kelantan (I-MYSK) telah membangkitkan semangat perjuangan dan solidariti terhadap Palestin dengan tema besar “Suara Bagi Yang Tidak Bersuara”.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan menyeru umat Islam khususnya golongan muda, untuk bangkit menyokong pembebasan Palestin daripada cengkaman Zionis Israel.

Katanya, pada saat dunia Islam kelihatan hilang kekuatan mempertahankan Palestin, persidangan sebegini menjadi medan penting untuk menghidupkan semula semangat perjuangan.

“Di bawah tema “Suara Bagi Yang Tidak Bersuara”, sidang ini mengangkat perpaduan dan kerjasama serantau, serta menolak penyelesaian dua negara, semuanya demi pembebasan Palestin,” katanya ketika merasmikan Sidang Kemuncak Belia Muslim Antarabangsa Kelantan, di sebuah hotel di Kota Bharu pada Jumaat.

Beliau turut menyanjung usaha golongan muda yang menggunakan media arus perdana dan digital untuk menyampaikan mesej perjuangan Palestin serta membongkar propaganda Zionis yang sekian lama menyesatkan masyarakat antarabangsa.

“Golongan muda memainkan peranan penting dalam mem-



perkuat perjuangan Palestin melalui media arus perdana dan digital.

“Kita menyaksikan hasil dari usaha ini, kini semakin ramai NGO, ahli akademik, pelajar dan selebriti di seluruh dunia bersuara untuk Palestin, atas dasar kemanusiaan,” jelasnya.

Dato’ Dr. Mohamed Fadzli turut menyatakan penghargaan terhadap keberanian institusi Islam terkemuka seperti Al-Azhar dan Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia yang secara terbuka menyeru umat Islam agar bersatu menghadapi Israel laknatullah.

“Tokoh seperti Sheikh Dr Ahmed al-Raysuni merupakan sumber inspirasi buat umat Islam untuk bangkit bersatu mempertahankan Palestin.

“Di Malaysia sendiri, kita bertuah kerana memiliki pemimpin seperti Tan Sri Tuan Guru Abdul Hadi Awang yang tidak pernah jemu menyeru perpaduan umat Islam serta memperjuangkan Palestin melalui penulisan dan ucapan

beliau dalam bahasa Melayu dan Arab.

“Kebenaran tentang Palestin mesti diketengahkan dalam era maklumat ini. Media perlu memberi ruang kepada ulama rabbani untuk menghuraikan isu ini secara menyeluruh, serta mengakhiri propaganda barat yang menyebarkan Islamofobia,” ujarnya.

Mengulas tentang kedudukan istimewa Palestin dalam sejarah Islam, beliau menegaskan bahawa bumi Palestin adalah bumi para nabi, tanah kesyahidan, dan amanah Ilahi sejak zaman Nabi Ibrahim a.s. hingga ke peristiwa Israk Mikraj Nabi Muhammad SAW.

Sementara itu, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari dalam ucapan alu-aluannya menyifatkan sidang kemuncak tersebut bukan sekadar acara biasa, tetapi merupakan perhimpunan rohani dan simbol solidariti sejagat.

“Tangisan dari Gaza bukan sekadar gema di padang pasir. Ia adalah seruan untuk bertindak. Umat

“

Golongan muda memainkan peranan penting dalam memperkuat perjuangan Palestin melalui media arus perdana dan digital,”

ini adalah satu tubuh, apabila satu anggota sakit, seluruh tubuh turut merasa,” katanya.

Beliau menyeru agar sidang tersebut dijadikan satu deklarasi dunia Islam bahawa umat tidak akan berdiam diri di hadapan kezaliman, malah akan terus bersuara bagi pihak yang ditindas, bukan hanya untuk Gaza, tetapi di setiap penjuru dunia.

Sidang Kemuncak I-MYSK yang berlangsung selama dua hari bermula 20 hingga 21 Jun itu melabuhkan tirainya dengan persembahan nasyid oleh kumpulan nasyid In-Team.

Ribuan rakyat Kelantan memenuhi dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad IV untuk menyaksikan persembahan tersebut.

Hadirin yang tidak berganjak walaupun dalam keadaan hujan lebat membuktikan sokongan padu dan solidariti terhadap rakyat Palestin yang berjuang untuk membebaskan negara mereka daripada cengkaman Zionis Israel laknatullah.

